

Surat 1

4 Mac 2002
Tuan Yang Terutama
Lee Kuan Yew
Menteri Kanan
Republik Singapura
Singapura

Yang Dihormati Kuan Yew,
Saya merujuk kepada surat tuan bertarikh 10 Disember 2001.

Saya ingin mengulangi pendirian bahawa Malaysia komited untuk menyelesaikan isu-isu berpakej dengan Singapura. Sehubungan itu, saya lampirkan cadangan-cadangan Malaysia mengenai isu-isu berpakej tersebut.

Menteri Luar Malaysia akan mengetuai delegasi Malaysia ke rundingan pusingan ke-4 yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada tarikh yang akan dipersetujui bersama menerusi saluran diplomatik.

Salam Hormat,
Yang Benar,

Dr. Mahathir bin Mohamad

LIMA ISU BERPAKEJ
MALAYSIA-SINGAPURA

CADANGAN MALAYSIA
2. JAMBATAN DAN LANDASAN
KERETA API

2.1 Jambatan

Jambatan baru akan dibina bagi menggantikan Tambak Johor. Malaysia akan membina jambatan tersebut di sebelah Malaysia dengan kos sendiri sementara Singapura akan membina jambatan di sebelah Singapura dengan kos sendiri. Jambatan akan disambungkan di sempadan bersama di Selat Johor. Setelah jambatan disiapkan, Tambak Johor akan diruntuhkan.

Sekiranya Singapura memutuskan untuk tidak membina jambatan di sebelah bahagiannya, Malaysia akan tetap membina jambatan itu dengan kos sendiri di sebelah bahagiannya. Jambatan baru akan disambungkan dengan Tambak Johor di sebelah Singapura. Setelah jambatan disiapkan, Tambak Johor di sebelah Malaysia akan diruntuhkan.

2.2 Landasan Kereta Api

Malaysia akan membina jambatan landasan kereta api baru menyeberangi Selat Johor. Jambatan landasan kereta api ini termasuk jambatan ayun di bahagian Selat Johor yang akan diperdalamkan bagi tujuan pengemudian.

Sekiranya Singapura memutuskan untuk tidak membina jambatan untuk menggantikan Tambak Johor di sebelah bahagiannya, Malaysia akan tetap membina jambatan landasan kereta api di Selat Johor sebelah Malaysia.

Jambatan landasan kereta api ini termasuk jambatan ayun di bahagian Selat Johor yang akan diperdalamkan bagi tujuan pengemudian. Jambatan landasan kereta api baru ini akan disambungkan dengan laluan landasan sedia ada di Tambak Johor sebelah Singapura.

Kerajaan Malaysia akan meneruskan operasi perkhidmatan kereta api ke Tanjung Pagar. Kakitangan perkhidmatan untuk tujuan tiket dan pengurusan perkhidmatan kereta api akan dikekalkan di Tanjung Pagar.

Sekiranya kerajaan Singapura meminta kerajaan Malaysia untuk menamatkan operasi kereta api di Kranji, syarat-syarat berikut akan dikenakan:

i) Malaysia akan mengambil pampasan tiga keping tanah di bawah Butir-Butir Perjanjian (POA) iaitu tanah di Keppel, Kranji dan Woodland dan semua tanah di landasan kereta api di Singapura menjadi milik kerajaan Malaysia yang tidak disebed di dalam POA. Pemberian pampasan adalah berdasarkan nilai pasaran terkini; dan

ii) penilaian tanah yang akan dijalankan oleh pakar runding seperti dipersetujui kedua-dua pihak.

2.3 Saluran Paip Air

Saluran paip air baru di sebelah Malaysia akan dipasang oleh Malaysia dan akan disambungkan semula dengan saluran paip air Singapura di bawah jambatan baru.

Sekiranya Singapura memutuskan untuk tidak membina jambatan untuk menggantikan Tambak Johor di sebelah bahagiannya, saluran paip air baru di bahagian Selat Johor yang akan diperdalamkan bagi tujuan pengemudian akan ditanam di dasar laut dan akan disambungkan semula dengan saluran paip air Singapura.


3. KASTAM, IMIGRESEN DAN KUARAN-
TIN (CIQ)

Kompleks CIQ kereta api yang kini berada di Tanjung Pagar akan dipindahkan ke Johor Bahru.

5. RUANG UDARA

Malaysia mungkin mempertimbangkan pemberian fasiliti yang sesuai mengenai penggunaan ruang udaranya kepada Tentera Udara Republik Singapura (RSAF).

Surat 2



Perdana Menteri Singapura
11 April 2002
YAB Datuk Seri Dr. Mahathir bin
Mohamad
Perdana Menteri Malaysia

Yang dihormati Mahathir,

Saya merujuk kepada surat tuan bertarikh 4 Mac 2002 kepada Menteri Kanan, Lee Kuan Yew dan jawabannya pada 11 Mac.

Sebelum Kuan Yew melawat Kuala Lumpur pada Ogos 2000, beliau telah mencadangkan supaya membincangkan asas-asas perjanjian dengan Daim (Tun Daim Zainuddin) yang kemudiannya, kita berdua akan pertimbang dan diluluskan. Beliau kemudian telah menghantar surat kepada Daim. Namun begitu, oleh kerana tuan telah menulis surat kepada beliau, beliau akan berutus surat dan berunding dengan tuan dengan kebenaran saya.

Sekarang saya telah membuat keputusan untuk mengendalikan sendiri perbincangan berdasarkan pakej dua hala.

Saya telah mengambil masa untuk memikirkan jawapan saya kepada tuan kerana saya mahu mencari jalan terbaik untuk memastikan hubungan jangka panjang yang stabil dan dalam situasi menang-menang antara kedua-dua negara kita.

Saya telah berbincang dengan rakan Kabinet saya cadangan yang terkandung dalam surat tuan dan mempunyai komen berikut:

1. Jambatan

Antara cadangan supaya jambatan baru

belah Malaysia sahaja, saya lebih suka yang sebelum itu.

Apabila jambatan baru itu siap, Tambak Johor boleh dirobuhkan dan saya lebih suka ia dilakukan selepas tahun 2007.

Bagaimanapun, jika tuan berhasrat untuk meneruskan menggantikan Tambak Johor di sebelah pihak tuan dengan jambatan, saya akan terimanya walaupun saya fikir ini bukan sesuatu yang ideal.

2. Landasan Kereta Api

Saya diberitahu yang tuan telah mengambil keputusan untuk mengubah CIQ anda ke Johor Bahru.

Tuan juga membayangkan akan meneruskan operasi perkhidmatan kereta api sehingga ke Tanjung Pagar.

Di bawah Butir-Butir Perjanjian (POA) 1990, Malaysia telah bersetuju untuk memindahkan Stesen Kereta Api Tanjung Pagar ke Bukit Timah.

Bagaimanapun, saya teringat yang tuan pernah mencadangkan dalam pertemuan kita di Hanoi pada tahun 1998 untuk mengubah kedudukan stesen kereta api anda ke Kranji. Saya bersetuju dengan cadangan ini dalam mesyuarat dengan Abdullah Ahmad Badawi ketika beliau melawat Singapura pada Februari tahun lepas. Saya mengesahkan di sini bahawa Singapura bersedia memenuhi sebarang perubahan seperti itu dalam POA dalam lingkungan pakej dua hala.

Tuan juga kemudiannya telah mencadangkan terowong landasan kereta api dari Johor ke Singapura. Tetapi saya baca dari surat tuan, tuan telah pula bercadang untuk membina jambatan landasan kereta api ayun disebabkan pembinaan terowong memakan kos yang terlalu tinggi. Saya bersetuju dengan cadangan ini.

Memandangkan tuan bercadang untuk mengadakan kereta api elektrik pada masa akan datang, saya mencadangkan supaya tuan melihat semula cadangan Stesen Kereta Api Kranji. Tuan boleh mengadakan perkhidmatan kereta api ini menggunakan terowong dari hujung jambatan gantung tuan

• Lihat muka 4



PERDANA MENTERI
MALAYSIA

7 Oktober 2002

Perdana Menteri
Lee Kuan Yew
Menteri Kanan
Republik Singapura

Dear Mr. Mahathir,

I am writing in regard to the decision that we reached on 27 October 1998 in Hanoi for Malaysia and Singapore to establish, and for all the outstanding issues between our two countries in a package. These issues include water supply, railway-related issues and Customs, Immigration and Quarantine (CIQ), Coastal Protection Fund (CPF) and the use of Malaysia's airspace.

As you are aware, since our shared decision, several meetings, both at bilateral and official levels, had been held on the package of issues. Regrettably, these rounds of talks at the senior officials level in 1999 and two bilateral level meetings in 2000 did not meet with any success.

In addition, Senior Minister Mr. Lee Kuan Yew also had several

Perdana Menteri Malaysia
7 Oktober 2002
Tuan Yang Terutama
Tuan Goh Chok Tong
Perdana Menteri
Republik Singapura

Saya menulis surat ini berhubung dengan keputusan yang kita capai pada 27 Disember 1998 di Hanoi untuk Malaysia dan Singapura putuskan secara sekali gus mengenai isu yang belum selesai di antara kedua-dua buah negara di dalam satu pakej.

Isu itu termasuk bekalan air, isu berkaitan landasan kereta api serta Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) dan penggunaan ruang udara Malaysia.

Seperti yang anda ketahui, sejak keputusan yang kita capai seperti di atas, beberapa mesyuarat di peringkat menteri dan pegawai kanan telah diadakan berkenaan dengan pakej tersebut.

Yang dikesalkan, tiga pusingan perbincangan di antara pegawai peringkat tinggi pada tahun 1999 dan dua mesyuarat peringkat menteri pada tahun 2002 tidak menemukan apa-apa kejayaan.

Sebagai tambahan, Menteri Kanan, Lee Kuan Yew juga telah mengadakan beberapa perbincangan dengan saya berhubung pakej yang sama tetapi tiada apa-apa persetujuan dicapai.

Saya rasa kita sudah sampai satu tahap di mana adalah penting bagi kita berdua mencari keutamaan dalam perbincangan ini.

Pendekatan yang diambil kedua-dua belah pihak setakat ini berhubung dengan isu yang tertangguh itu nampaknya belum memberi sebarang keputusan yang bermakna.

Oleh itu, Malaysia sekarang mengambil keputusan untuk tidak menyambung pendekatan yang dibuat melalui pakej tersebut dan memberi keutamaan untuk menyelesaikan dahulu isu air yang sudah lama berlanjutan terutama kajian semula mengenai harga air mentah. Apabila isu ini dapat diselesaikan dengan rasa puas hati dan persahabatan, saya yakin Malaysia dan Singapura boleh bersama-sama bergerak ke hadapan dengan lebih pantas dalam mencari penyelesaian kepada isu lain yang tertangguh.

Harapan orang ramai di kedua-dua buah negara sekarang amat tinggi, iaitu agar kedua-dua buah negara dapat mencari penyelesaian segera dalam isu air ini.

Saya berharap akan ada perkembangan dalam isu ini terutama menjelang mesyuarat pegawai kanan di antara kedua-dua buah negara dari 16-17 Oktober 2002 di Johor Bahru dan seterusnya mesyuarat peringkat menteri yang akan diadakan pada satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Kedua-dua buah negara kemudiannya akan berada pada kedudukan lebih selesa untuk menangani dengan lebih cepat isu-isu yang lain.

Dr. Mahathir bin Mohamad

Perdana Menteri Singapura
14 Oktober, 2002
YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad
Perdana Menteri
Malaysia

Yang Dihormati Mahathir,
Saya merujuk kepada surat tuan bertarikh 7 Oktober 2002, yang disampaikan melalui TPN Wisma Putra bertarikh 9 Oktober, dan dihantar kepada Suruhanjaya Tinggi kami di Kuala Lumpur pada 10 Oktober.

Semasa kita bertemu pada 8 Oktober di Putrajaya, tuan memberitahu bahawa isu yang paling penting bagi Malaysia ialah air. Jika isu air dapat diselesaikan, isu-isu lain boleh diatasi. Tuan juga memberitahu bahawa Malaysia mahu memberi penekanan lebih kepada isu air daripada isu-isu lain dalam pakej.

Saya menjawab bahawa semua isu tersebut terikat kerana harga yang boleh ditawarkan oleh Singapura bagi air yang sedia ada akan bergantung kepada harga bagi air pada masa depan (iaitu air selepas 2061), dan mengenai konsesi yang ia akan terpaksa tawarkan ke atas isu-isu lain seperti POA (Butir-Butir Perjanjian). Kita belum mencapai sebarang perjanjian pendekatan mana yang perlu diambil.

Pada akhir mesyuarat kita, tuan memberitahu, kita perlu cuba menyelesaikan isu air, dan lagi cepat ia diselesaikan lebih baik. Saya bersetuju, dan memberitahu kita perlu minta pegawai-pegawai kita menyelesaikannya. Pada masa yang sama, sekembalinya saya, saya mengarahkan pegawai-pegawai saya supaya melakukan sebanyak mungkin kemajuan berkenaan isu air pada mesyuarat 16-17 Oktober sebagai sebahagian daripada pakej berkenaan, walaupun Peguam Negara saya telah menasihatkan bahawa Malaysia telah hilang haknya untuk mengkaji semula harga air mengikut Perjanjian Air yang sedia ada.

Saya tidak menjangka untuk menerima, pada 10 Oktober, surat tuan bertarikh 7 Oktober, yang di dalamnya tuan menyatakan "Malaysia sekarang telah membuat keputusan untuk tidak menyambung semula pendekatan berpakej dan akan memberi keutamaan pertamanya kepada penyelesaian isu air yang sudah lama tertangguh, khususnya kajian semula harga air mentah. Tidakkah tuan pada pertemuan kita pada 8 Oktober, telah memberitahu saya bahawa tuan sudah menulis dan menandatangani surat berkenaan pada 7 Oktober, saya mungkin telah menghuraikan tentang pro dan kontra terhadap pendekatan tuan itu. Kita pada masa itu mungkin boleh membuat keputusan bersama-sama berhubung asas yang boleh digunakan oleh pegawai-pegawai kita untuk berunding.

Seperti yang tuan tulis pada pembukaan ayat dalam surat tuan bertarikh 7 Oktober, tuan dan saya telah bersetuju pada 27 Disember 1998 di Hanoi supaya Malaysia dan Singapura menyelesaikan secara sekali gus isu tertunggak antara kedua-dua negara dalam satu pakej. Dalam lain perkataan, kita telah bersetuju untuk menyelesaikan dalam satu pakej, yang memberi faedah kepada kedua-dua negara daripada pelbagai perkara, terutama air, POA, ruang udara, CPF (Kumpulan Wang Simpanan Pusat), dan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor.

Saya telah bersedia untuk memberi konsesi dengan membuat pengubahsuaian terhadap POA dengan beberapa bidang tanah tambahan, membenarkan pengeluaran awal bagi caruman CPF dan untuk membina jambatan di kawasan kami untuk menggantikan Tambak Johor dengan kos yang ditanggung oleh pihak kami, sebagai pertukaran (trade-off), supaya tuan boleh memberi kepada kami ruang udara dan air pada masa hadapan pada harga yang berpatutan. Berhubung air, tuan telah menyatakan dalam surat tuan pada bulan Februari 2001 bahawa Johor menjelaskan bahawa harga air mentah yang berpatutan ialah 60 sen (Kajian semula harga air mentah di bawah Perjanjian Air yang sedia ada tidak dimasukkan dalam pakej yang kita putuskan di Hanoi pada 1998, sehinggalah tuan membangkitkannya dengan Menteri Kanan Lee (Lee Kuan Yew) pada Ogos 2000 di Kuala Lumpur).

Memandangkan tuan kini mahu membincangkan isu air secara berasingan dan tidak mahu meneruskan pendekatan berpakej, pertukaran-pertukaran ini tidak lagi boleh dilakukan. Dan memandangkan pendekatan berpakej sudah ditamatkan, saya telah mengarahkan pegawai-pegawai saya supaya membincangkan soal air dan isu-isu lain secara berasingan dan berasingan, berdasarkan merit isu-isu berkenaan, dan tidak lagi berdasarkan pendekatan berpakej.

Saya berharap pegawai-pegawai kita akan mencapai kemajuan dalam perundingan mereka semasa mesyuarat mereka yang akan datang menggunakan pendekatan tuan.

Yang Benar,
Goh Chok Tong

